



**PEKELILING  
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 18/77**

*Buku 'Instructions to Land Officers'*

Pekeling ini dikeluarkan untuk menasihati Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai penggunaan buku 'Instructions to Land Officers'.

2. Buku 'Instructions to Land Officers' adalah mengandungi perkara-perkara yang tidak terpakai lagi kerana perkara-perkara tersebut telah dijadikan sebahagian daripada peruntukan Kanun Tanah Negara yang berkuatkuasa mulai 1.1.1966 dan beberapa perkara lain pula tidak diamalkan lagi sebab perubahan dalam system pentadbiran. Perkara-perkara yang lain dalam buku tersebut yang masih boleh digunakan sebagai panduan adalah seperti berikut :

- (a) Ukur dan penyelesaian;
- (b) Daftar rizab;
- (c) Penyenggaraan syit-syit litho pejabat tanah;
- (d) Penyerahan notis-notis;
- (e) Pungutan hasil; dan
- (f) Penyenggaraan daftar lessen tumpangan sementara.

Perkara-perkara (a) hingga (d) di atas adalah terkandung dalam Pekeling-Pekeling KPTG Bil. 28/76, 11/1977, 13/1977, 13/1977 dan 14/1977. Pekeling-pekeliling baru akan dikeluarkan mengenai perkara-perkara (e) dan (f).

3. Pemungut-pemungut Hasil Tanah dinasihatkan supaya tidak lagi menggunakan buku 'Instructions to Land Officers'.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD NOR  
Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Persekutuan

P.T.TM 9/1970

Kuala Lumpur  
10hb Oktober, 1970